

BAB 6

KESIMPULAN

Hasil penyelidikan, kajian, menganalisis dan pemerhatian pengkaji, maka dapat dirumuskan bahawa daerah Dungun sangat bererti kepada Negeri Terengganu dari dahulu hingga sekarang. Bermula tahun 1910 Dungun telah menjadi pusat tumpuan manusia terutama di kawasan pendalamannya yang kaya dengan hasil galian seperti bijih timah dan wolfram. Pada tahun 1921 kawasan Bukit Besi menjadi fokus orang luar kerana penemuan longgokan bijih besi. Pada tahun 1980an Paka dan Kerteh menjadi tumpuan kerana perlombongan petroleum dan gas asli sehingga sekarang. Penulis juga dapat sejarah perlombongan Negeri Terengganu sudah lama terkenal malah Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang tertua terlibat dalam perlombongan di Tanah Melayu.

Dari kajian yang dibuat, perlombongan di daerah Dungun satu-satu kawasan perlombongan di Malaysia yang majoriti pekerja dan masyarakat setempat terdiri orang Melayu. Keadaan ini menjadi kebanggaan kepada rakyat Terengganu bahawa orang Melayu Terengganu sangat tinggi petriotisnya. Mereka tidak membiarkan usaha-usaha perlombongan dikendalikan oleh orang asing 100% sebagaimana kawasan-kawasan lain seperti di pantai barat. Sektor perniagaan dan perkhidmatan masih dikuasai oleh orang Melayu. Penglibatan orang Melayu secara aktif telah berjaya menghalang kemasukan kaum asing terutama orang Cina ke daerah Dungun. Bagi mengekalkan penguasaan orang Melayu di kawasan tersebut secara berterusan sehingga sekarang Kerajaan Negeri dan pusat terus merangka satu plan pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Luar

Bandar dengan membentuk Bandar Baru KETENGAH JAYA. Apabila sahaja perlombongan besi dan timah ditutup pada tahun 1971, tujuan plan ini diwujudkan bagi memastikan kawasan Ulu Dungun terus membangun dan kekal identitinya Bandar Melayu yang maju.

Bandar Bukit Besi mempunyai peratusan penduduk Melayu pada tahun 1970, sebanyak 86%. Hampir keseluruhannya terlibat dalam sektor perlombongan .Bagi kawasan Paka, pasir Raja dan Kuala Jengai hampir 100% penduduk Melayu mendiaminya sebelum tahun 1952. Hanya beberapa orang Cina sahaja yang tinggal di sana yang terlibat dalam kegiatan perlombongan. Oleh sebab itulah kawasan ini menarik minat penulis mengkaji dan mengesan kawasan-kawasan sebenar lombong bijih untuk memudahkan pengkaji akan datang mengenali lokasinya serta memahami kaeadah perlombongan yang dijalankan dalam beberapa zaman. Pengkaji juga cuba melihat dari segi sumbangan sektor perlombongan kepada kawasan ini, kemerosotan perlombongan dan akhir sekali kesan penutupannya.

Pada era tahun 1930an hingga 1971 Kajian mendapati hasil bijih besi di Bukit Besi menjadi nadi utama kepada ekonomi Negeri Terengganu. Kebangkitan kepentingan Bandar Dungun terutama di kawasan Sura Gate sangat jelas. Kawasan tersebut menjadi pusat pertumbuhan penduduk dan perniagaan yang paling maju di Negeri Terengganu. Pusat-pusat pembiagaan tumbuh begitu pesat sekali. Kesan perlombongan itu juga banyak kampung-kampung baru telah wujud terutama dari stesen Nibong ke Bukit Besi, antara

kampung terkenal seperti Kg. Che Lijah, Padang Pulut, Pinang dan Nibong. Kesemua kampung-kampung ini didiami oleh orang Melayu 100%.

Perlombongan di daerah Dungun banyak memberi sumbangan kepada ekonomi negeri Terengganu. Daripada analisis yang dibuat oleh penulis sumbangan hasil perlombongan kepada Negeri Terengganu dari tahun 1936 hingga 1971 purata 3.5 juta RM setahun. Jumlah ini dikira agak tinggi pada masa itu, terhadap Negeri Terengganu. Manakala aliran nilai wang yang beredar pada setahun dalam semua sektor melebihi RM100 juta. Jumlah aliran wang yang banyak di negeri Terengganu menjadi tarikan penduduk luar untuk mencuba nasib. Mereka datang ke Terengganu bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan dan pengeluaran makanan. Kebanyakan mereka berasal dari negeri Kelantan menetap di bandar Dungun dan kampung-kampung baru. Mereka ini mula membuka kampung sendiri seperti Kg. Tok Kah dan Pulau Serai berhampiran bandar Dungun. Penulis mendapati sehingga sekarang kampung-kampung ini masih mengekalkan identiti kekelantanannya dari segi budaya dan dialek percakapan.

Kajian juga mendapati kerajaan negeri terlalu longgar pemantauannya terhadap sektor perlombongan. Mereka menyerahkan kepada pihak EMMCO semata-mata tanpa banyak memainkan peranan bagi meningkatkan nilai tambah kepada hasil-hasil bijih besi. Dari penelitian penulis terhadap Minit Mesyuarat Kerajaan Negeri dari tahun 1956 hingga 1970 tidak pernah ada cadangan untuk membina sebuah kilang besi sebagaimana kilang besi Pewaja di Kemaman pada hari ini. Penulis mendapati pada masa itu Terengganu tidak mempunyai ramai profesional dan pakar ekonomi yang berwibawa. Kebanyakan

pemimpin negeri terdiri daripada guru-guru agama dan bekas-bekas penghulu. Mereka sebahagian besar berpendidikan agama pondok. Pemimpin Negeri pada masa itu lebih cenderung membincarakan isu-isu agama dan politik. Perbalahan parti-parti politik amat ketara terutama antara PAS dengan UMNO.

Perdebatan soal-soal haram-halal dan kafir-mengkafir telah mula timbul apabila sahaja PAS mula bertapak di Terengganu. Rakyat Negeri Terengganu banyak dihidangkan dengan persoalan politik berbanding persoalan Ekonomi. Kealpaan pemimpin Negeri Terengganu terhadap kepentingan ekonomi, memperlihatkan kemunduran terhadap perkembangan ekonomi, sektor perlombongan dan kepentingan sektor aliran perlombongan tidak langsung diambil kira. Kerajaan gagal menyediakan suasana kemudahan infrastruktur yang konduktif yang bakal menarik pelabur asing untuk menanam modal di Terengganu. Keadaan politik yang tidak stabil menakutkan pemodal untuk menanam modal. Hal ini menjadi bertambah parah lagi apabila pembangkang mulai menguasai Terengganu pada tahun 1959. Kerajaan yang memerintah Terengganu pada masa itu lebih memberi tumpuan kepada soal-soal politik. Menjelang tahun 1971 apabila Datok Ibrahim Fikri mulai menjadi Menteri Besar barulah bermula era baru di Terengganu. Namun pada ketika itu lombong bijih besi mula mengurangkan pengeluarannya kerana kecawa permohonannya untuk mendapat kawasan baru lombong bijih besi yang dibuat pada tahun 1959 di tolak oleh Kerajaan Terengganu. Pada tahun 1972 EMMCO telah memutuskan untuk menutup lombong bijih besi di Bukit Besi. Penulis juga mendapati kerajaan sebelumnya turut mengabaikan sektor pertanian. Daripada kajian yang dibuat hampir tiada pendapatan dari sumber perladangan seperti

kelapa sawit dan getah terhadap pendapatan Negeri sebelum tahun 1970 Kerajaan Negeri lebih banyak bergantung kepada sumber pembalakan dan perlombongan sahaja dan kurang daripada 10% pendapatan Negeri diperolehi daripada lain-lain sumber. Penulis mendapati kerajaan negeri tidak mempunyai keyakinan terhadap sektor pertanian mampu memberi hasil pendapatan lumayan. Daripada kajian penulis sektor pertanian ladang cuma mula dimajukan apabila lombong besi tidak lagi beroperasi. Sikap tidak berpandangan jauh pemimpin Terengganu akhirnya memberi kesan yang buruk kepada ekonomi Terengganu apabila sebarang aktiviti perlombongan di Terengganu dihentikan, terutama penutupan lombong besi di Bukit Besi Dungun.

Kajian juga mendapati penutupan lombong di Dungun banyak memberi kesan kepada penduduk di sekitarnya. Mereka yang menikmati kemewahan telah hilang pencariannya. Pendapatan yang lumayan selama ini telah mengubah corak hidup mereka sebelumnya. Mereka mengamalkan gaya hidup boros dan mewah. Keghairahan berbelanja menyebabkan mereka lupa kepada kemungkinan yang akan berlaku pada masa hadapan. Konsep tabungan dan awasan tidak langsung diamalkan. Mereka percaya lombong bijih besi akan terus beroperasi memandangkan kawasan longgokan di Dungun sangat banyak. Perlakuan mereka yang tidak berhati-hati akhirnya memberi kesan yang amat parah apabila lombong ditutup. Masyarakat Terengganu kecewa dan panik. Mereka menjadi tidak menentu apabila pihak pengurusan EMMCO menutup operasinya sama sekali.

Penutupan lombong besi bukan sahaja mengecewakan pekerja dan penduduk setempat tetapi juga kemajuan Terengganu. Keadaan ini jelas apabila Menteri Besar, Tan Sri

Ibrahim Fikri menyuarakannya di dalam akhbar Utusan Malaysia. Suasana sedih turut dilahirkan melalui puisi dan rencana terhadap keluhan masyarakat Terengganu, di dada akhbar dan majalah Pengkaji juga agak kecewa dengan pemimpin Kerajaan Negeri Terengganu yang langsung tidak menyedari kepentingan kesan peninggalan lombong-lombong di daerah Dungun dari sudut sejarah dan perlancongan.

Selepas penutupan lombong besi, Kerajaan Terengganu gagal mewartakan semua harta peninggalan EMMCO dijadikan bahan bersejarah. Keadaan ini dibiarkan begitu sahaja hampir 15 tahun, sehingga banyak khazanah-khazanah berharga dicuri orang. Penulis berpendapat jika kawasan lombong itu dijaga dikekalkan sebagaimana bentuk asal ia mampu menjadi aset perlancongan yang amat berharga kepada Negeri Terengganu. Sistem jalan keretapi dari Sura Gate ke Bukit Besi boleh dikekalkan bagi membawa pelancong melawat lombong Bukit Besi yang mana satu-satunya lombong bijih besi yang terbesar di Asia. Penulis berpendapat rumah-rumah pekerja dan pegawai-pegawai EMMCO boleh diubahsuai menjadi rumah tumpangan atau hotel untuk pelancong. Kerajaan Negeri boleh merancang membaik pulih alat lombong sebagai bahan tarikan pelancong. Selain daripada itu, replika yang menunjukkan keagungan perlombongan bijih besi dibina. Penulis merasakan satu kerugian besar jika tiada usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengembalikan nilai-nilai sejarah Dungun sebagai pusat perlombongan yang unik. Pengkaji menyeru mana-mana pihak berwajib memikirkan cadangan pandangan ikhlas kajian ini bagi kepentingan bersama.

Pengkaji sesungguhnya cukup kagum melihat beberapa penemuan lombong-lombong lama di daerah Dungun terutama di Ulu Paka seperti lombong wolfram di Bukit Lentor Kuala Jengai, lombong emas di Kampung Syukur Pasir Raja dan lombong besi di Bukit Besi. Semasa penjelajahan dibuat kita juga menemui satu panorama yang amat cantik: “Air Terjun Cemerong” di kawasan berdekatan Pasir Raja. Keindahan air terjun dapat dilihat daripada jarak 20km. Keadaannya boleh menyamai Air Terjun Niagara. Ramai berpendapat jika nilai sejarah dan alam semulajadi digabungkan ia pasti cukup baik untuk dimajukan sebagai produk pelancongan negara pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun kewujudan lombong-lombong di Dungun seperti wolfram, bijih timah, emas dan bijih besi khususnya telah merubah struktur sosial budaya dan sosial ekonomi daerah Dungun. Pembukaan lombong bijih timah di Paka telah menjadikan kawasan tersebut menjadi tumpuan dan muncul sebuah bandar. Hal yang sama juga di Bukit Lentor, perlombongan wolfram membawa kepada kewujudan kampung Kuala Jengai yang terletak tidak jauh dari kawasan perlombongan. Kampung pasir Raja walaupun pembukaannya bukan disebabkan oleh lombong emas, tapi kegiatan mencari emas di Kg. Shukur turut membantu kemasukan orang luar ke Pasir Raja pada tahun 1910. Nama Kg. Shukur memberi memberi pengertian yang cukup besar, tanda terima kasih di atas hasil buminya. Perlombongan besi di Bukit Besi faktor terbesar yang merubah bentuk muka bumi, sosial budaya dan sosial ekonomi kawasan Hulu Dungun. Kepesatan kegiatan perlombongan besi menyebabkan kemasukan syarikat gergasi dari Jepun dan Britain. Dengan penglibatan kedua-dua sarikat ini yang telah memperkenalkan berbagai kaedah perlombongan besi di Bukit Besi. Perlombongan ini membawa kepada

pembentukan bandar dan perubahan pandangan daratnya daripada hutan tebal kepada penempatan yang padat. Bukit bukau mula diruntuhkan untuk mendapat bijih besi. Kawasan Bukit Besi secara perbandingan lebih maju dalam semua hal baik kemudahan asas dan kegiatan ekonomi berbanding kawasan-kawasan lain di daerah Dungun khususnya dan amnya di Terengganu. Tegasnya dapat kita katakan perlombongan di daerah Dungun dari tahun 1910-1971 benar-benar menjadi asas utama perkembangan daerah Dungun khususnya bandar Dungun dan kawasan-kawasan sekitarnya. Justeru itu kajian ini memilih tempoh tersebut sebagai fokus penyelidikan.